

Jumaat, 22 November 2019 | 3:21pm



ANGGOTA Pasukan Gerakan Am (PGA) memeriksa diesel yang dirampas dalam serbuan di Sungai Baong berhampiran Jalan Permaisuri, Miri, Rabu lalu. - Foto ihsan PGA

Cubaan seleweng bekalan diesel tumpas

Oleh Garret Dawum
bhnews@bh.com.my

MIRI: Cubaan menyeleweng 135,000 liter diesel bernilai RM295,650 berjaya ditumpas Pasukan Gerakan Am (PGA) dalam serbuan di Sungai Baong berhampiran Jalan Permaisuri, di sini, Rabu lalu.

Pegawai Pemerintah Batalion 12 PGA, Superintendant Tan Hiap Seng, berkata bekalan bahan api itu ditemui disembunyikan dalam tiga bot dan satu tongkang yang sudah diubah suai.

"Dalam serbuan kira-kira jam 10 pagi itu, kesemua pekerja kapal yang terdiri daripada empat lelaki berusia 22 hingga 44 tahun gagal mengemukakan sebarang dokumen berhubung pemilikan bahan api berkenaan.

"Kesemua mereka, masing-masing seorang warga tempatan dan India bersama dua warga Indonesia ditahan untuk siasatan lanjut, termasuk dari mana bekalan bahan api itu diperoleh," katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Beliau berkata, nilai keseluruhan bahan api dirampas itu, termasuk bot dan tongkang berkenaan mencecah RM2.09 juta.

"Rampasan dan tangkapan akan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Miri untuk tindakan lanjut. Kes sedang disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

